



**MAHDZIR Khalid (dua, kiri) menyerahkan zakat perniagaan TNB berjumlah RM309,340.11 kepada MAIPs sambil disaksikan Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail (tengah) di Kangar, Perlis, baru-baru ini. - UTUSAN/NAZLINA NADZARI**



**PENERIMA** bantuan rumah baharu menerusi Projek Baiti Jannati (PBJ) dan Projek Mesra Rakyat (PMR) menerima replika kunci rumah mereka dalam satu pada majlis di Kangar, Perlis.

# TNB sumbang 19 rumah di Perlis

Oleh **NUR NAZLINA NADZARI**  
utusannews@mediamulia.com.my



**KANGAR:** Terpancar kegembiraan di wajah 19 keluarga selepas menerima sumbangan rumah baharu menerusi Projek Baiti Jannati (PBJ) dan Projek Mesra Rakyat (PMR) Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam satu majlis di sini.

Penyerahan sumbangan kediaman baharu itu bernilai keseluruhan RM950,000.

Pengerusi TNB, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, seramai 17 keluarga menerima rumah baharu

menerusi PBJ yang diharapkan memberi kegembiraan kepada mereka menjelang sambutan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri tidak lama lagi.

"Saya yakin bantuan ini sedikit sebanyak mengurangkan beban para penerima dan keluarga, lebih-lebih lagi ketika mereka

bakal menjalani ibadah puasa dan menyambut Hari Raya Aidilfitri.

"Sementara itu, dua keluarga bukan Islam pula turut diserahkan rumah baharu yang menerima manfaat menerusi PMR. Projek ini adalah sebahagian daripada beberapa program tanggungjawab sosial korporat (CSR) TNB.

"Ianya sejajar dengan saranan kerajaan supaya syarikat berkitan kerajaan (GLC) ini membantu kerajaan dalam memperbaiki dan membina rumah kediaman golongan yang memerlukan, agar mereka dapat menjalani kehidupan

yang lebih selesa," katanya ketika ditemui pada Majlis Penyerahan PBJ dan PMR TNB peringkat negeri ini serta Penyampaian Zakat Perniagaan TNB Perlis 2019 di Hotel Seri Malaysia di sini hari ini.

Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail merangkap Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) turut berkenan menyaksikan majlis penyerahan bantuan tersebut.

Sementara itu, Mahdzir memberitahu, sejak PBJ diperkenalkan pada 2007,

sebanyak 885 buah rumah sudah dibaik pulih, dibina baharu atau dibiayai pembeliannya di seluruh negara melibatkan belanja lebih RM39.52 juta yang diperoleh melalui dana zakat perniagaan tahunan TNB yang dikendalikan oleh Majlis Agama Islam Negeri.

"Bagi PMR pula, sebanyak 214 keluarga dari seluruh negara telah menikmati manfaatnya dengan biaya lebih RM7.29 juta," ujarnya.

Pada majlis sama, TNB turut menyerahkan zakat perniagaan TNB Perlis berjumlah RM309,340.11 kepada MAIPs.

## 'Tidak lagi terjaga tengah malam kena hujan'

**KANGAR:** Tidak lagi terjaga di tengah malam akibat terkena tempas air hujan disebabkan atap bocor setelah menerima rumah baharu yang dibina oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) melalui Projek Baiti Jannati.

Itu pengalaman Hayazi Zakaria, 46, dari Kampung Permatang Bongor, Simpang Empat yang sebelum ini sering berasa resah setiap kali musim hujan kerana rumah pusaka peninggalan orang tuanya, bukan sahaja bocor, malah tiangnya juga sudah dimakan anai-anai.

Pemandu bas tersebut berkata, tidur dia bersama isteri dan empat anak berusia 10 hingga 21 tahun, sering kali terganggu setiap kali hujan lebat dan perlu bangun untuk beralih tempat supaya tidak

dibasahi air.

"Saya amat bersyukur apabila dipilih menerima bantuan rumah baharu ini. Sebelum ini rumah kami yang ada pun bahagian dapur sahaja, bahagian utama memang tidak selesa dan bocor sana sini.

"Alhamdulillah, setelah membuat permohonan kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) pada tahun lepas, kami terpilih menerima bantuan ini. Sudah kira-kira seminggu kami berpindah dan keadaan rumah memang amat selesa sekali," katanya.

Dia berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Penyerahan Projek Baiti Jannati dan Projek Mesra Rakyat TNB peringkat negeri serta Penyampaian Zakat



**HAYAZI ZAKARIA**

Perniagaan TNB Perlis 2019 di Hotel Seri Malaysia Kangar, Persiaran Wawasan di sini.



**CHAN LEONG JIN**

Penerima bantuan rumah melalui Projek Mesra Rakyat khas untuk penerima bukan Islam,

Chan Leong Jin, 45, pula berkata, rumah baharu yang siap sebelum sambutan Tahun Baru Cina sebelum ini merupakan hadiah bermakna untuk dia sekeluarga.

Pesawah yang tinggal di Kuala Sanglang itu memberitahu, rumah baharu berkenaan turut memberi keselesaan kepada adiknya yang sakit akibat kemalangan berhampiran rumah mereka.

"Rumah kami dahulu rumah kayu peninggalan datuk saya lagi. Rumah itu sudah usang dengan atap bocor serta dimakan anai-anai.

"Kini, saya bersama adik, kakak ipar dan anak saudara dapat tinggal di rumah yang lebih selesa. Saya amat berterima kasih kepada TNB atas bantuan yang diberikan ini," ujarnya.